



## KENYATAAN MEDIA

### INDUSTRI MOHON KKM HENTIKAN SERBUAN DAN RAMPASAN KE ATAS INDUSTRI VAPE

*Tindakan ini memberi kesan dan kerugian kepada usahawan tempatan*

**KUALA LUMPUR, 19 OGOS 2022** – Tindakan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang melakukan serbuan dan rampasan ke atas industri vape pada beberapa hari lalu telah menjelaskan banyak operasi pengusaha vape di Lembah Kelang dan memberi kesan kepada usahawan kecil dan sederhana yang melibatkan kerugian jutaan ringgit.

Tindakan ini seumpama KKM mengambil tindakan ke atas industri vape kerana ramai dalam industri tidak bersetuju dengan Akta yang dibentangkan baru-baru ini yang menyamakan vape seperti rokok serta cadangan polisi GEG (generasi penamat) yang akan mengharamkan industri vape pada masa depan. Akta tersebut kini sedang diperhalusi oleh Jawatankuasa Pilihan Khas (JPK) Parlimen.

Menurut **Ridhwan Rosli, Setiausaha Agung, Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM)**, tindakan serbuan dan rampasan itu seolah-olah memberikan tekanan ke atas industri kerana industri tidak bersetuju dengan cadangan KKM untuk menyamakan vape dengan rokok serta cadangan polisi GEG.

“Industri menyokong Kerajaan untuk membuat undang-undang kawal selia industri vape dan kami menyambut baik Akta tersebut kini diperhalusi oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen. Undang-undang ini adalah sesuatu yang industri telah nantikan selama bertahun-tahun dan hanya perlukan ia diperhalusi semula terutamanya berkaitan dengan beberapa isu yang penting untuk masa depan industri vape,” katanya.

“Tetapi serbuan dan rampasan yang dilakukan beberapa hari lalu secara serentak mengelirukan industri dan seolah-olah memberikan tekanan kepada industri kerana industri tidak bersetuju dengan cadangan KKM untuk menyamakan vape dengan rokok serta cadangan polisi GEG. Kami memohon agar KKM hentikan serbuan dan rampasan pada masa ini sambil menunggu Akta tersebut diperhalusi sebelum dibentangkan semula di Parlimen,” kata Ridhwan.

Dalam pada itu, **Rizani Zakaria, Presiden Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA)**, berkata siri serbuan yang dijalankan pihak berkuasa ini mengelirukan industri kerana ia tidak selaras dengan apa yang diumumkan kerajaan sebelum ini dan tindakan ini mengakibatkan ramai yang mengalami kerugian.



Menurutnya, Menteri Kesihatan telahpun menyatakan hasrat KKM untuk menggubal undang-undang baharu bagi mengawal penggunaan vape.

"Akta tersebut tertangguh pada masa ini kerana ia perlu diperhalusi dan dibincangkan lagi seperti yang diumumkan oleh Menteri Kesihatan. Jadi, janganlah lakukan serbuan dan rampasan ke atas industri vape sehingga pengusaha-pengusaha vape menjadi mangsa dan terpaksa menanggung kerugian," kata Rizani.

Kata Rizani lagi, "Tindakan serbuan ke atas industri yang sanggup dikawal selia hanya menyusahkan industri. Sepatutnya, KKM mengeluarkan garis panduan kawal selia sambil menunggu Akta tersebut dibentang semula. Ini akan membolehkan industri mendapat hala tuju ke arah pengawalseliaan serta membolehkan industri bersiap-sedia apabila proses perundangan dilaksanakan."

Tamat

#### **Mengenai Malaysian Vape Industry Advocacy (MVIA)**

*MVIA ialah sebuah kumpulan kepentingan khusus yang tidak berlandaskan keuntungan dalam menyokong usahawan dan perniagaan vape Malaysia. Matlamatnya ialah untuk mewakili industri vape dengan menyampaikan suara industri kepada badan kerajaan, pihak berkuasa kawal selia, agensi penguatkuasaan dan pihak berkepentingan yang lain.*

#### **Mengenai Dewan Perniagaan Vape Malaysia**

*Dewan Perniagaan Vape Malaysia (DPVM), yang ditubuhkan pada 2015, ialah satu-satunya persatuan berkaitan vape yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri. Keutamaan kami adalah untuk menjadikan industri vape di Malaysia lebih berdaya saing dan tersusun secara keseluruhan. Dengan bantuan ahli-ahli yang penuh berdedikasi, kami telah menganjurkan kempen kesedaran, aktiviti hubungan kemasyarakatan, latihan terperinci dan sesi libat urus dengan agensi-agensi Kerajaan.*

Issued on behalf of: **Malaysian Vape Industry Advocacy and Malaysian Vape Chamber of Commerce**

By: Acendus Communications Sdn Bhd

For further information, please call Reshvinder Kaur at 017 275 7985